

Zakat perniagaan membezakan kejayaan material dan rezeki diberkati

Oleh Prof Madya
Dr Mohd Adib Abd Muin



Pensyarah Universiti di Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia

Zakat perniagaan adalah zakat wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada barangan atau perkhidmatan, ditunaikan ke atas mereka yang memenuhi syarat ditetapkan syarak. Allah SWT berfirman bermaksud: "Wahai orang beriman, keluarkan zakat sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu". (Surah al-Baqarah, ayat 267) Sabda Rasulullah SAW bermaksud: "Maka sesungguhnya Rasulullah SAW menyuruh kami mengeluarkan zakat bagi harta benda yang kami sediakan untuk dijual." (HR Abu Daud)

"Pada unta ada zakatnya, pada lembu ada zakatnya, pada kambing ada zakatnya dan pada pakaian (al-Baz) disediakan untuk jualan ada zakatnya". (HR al-Hakim)

Dalil berkenaan menunjukkan semua jenis perniagaan dijalankan orang Islam, wajib dikeluarkan zakat apabila cukup syaratnya.

Memasuki fasa akhir 2025, umat Islam khususnya usahawan dan peniaga Muslim wajar mengambil ruang bermuhasabah, menilai semula pencapaian perniagaan, keberkatan rezeki serta tanggungjawab sosial dan agama yang ditunaikan sepanjang tahun.

Dalam konteks ini, usahawan dan

peniaga perlu menilai zakat perniagaan yang perlu ditunaikan.

Zakat perniagaan bukan sekadar kewajipan syarak, malah menjadi manifestasi keimanan, kesyukuran dan komitmen terhadap kesejahteraan ummah.

Zakat adalah salah satu daripada lima Rukun Islam wajib ditunaikan setiap Muslim memenuhi syarat. Ia berfungsi sebagai mekanisme penyucian harta dan jiwa, instrumen keadilan sosial amat signifikan dalam ekosistem ekonomi Islam.

Allah SWT berfirman bermaksud: "Dan dirikanlah solat serta tunaikan zakat dan taat kepada Rasul, supaya kamu beroleh rahmat". (Surah al-Nur, ayat 56). Ayat ini jelas menegaskan zakat bukan sekadar ibadah bersifat ritual, tetapi perintah Ilahi membawa rahmat dan keberkatan kepada individu serta masyarakat.

Apabila Rasulullah SAW mengutuskan Mu'az bin Jabal RA ke Yaman, Baginda bersabda bermaksud: "Khabarkan kepada mereka Allah SWT mewajibkan zakat ke atas mereka, diambil daripada orang kaya dan diberikan kepada orang fakir miskin dalam kalangan mereka". (HR Bukhari)

Hadis ini memperlihatkan peranan strategik zakat mengimbangi agihan kekayaan dan memastikan pembangunan ekonomi inklusif. Dalam konteks Malaysia, zakat perniagaan menjadi medium penting menyuntuti golongan asnaf, memperkukuh daya tahan ekonomi masyarakat serta menyokong pembangunan usahawan Muslim.

Antara kesan utama pelaksanaan zakat terhadap peniaga Muslim ialah

pembaikan aliran tunai dan peningkatan kuasa beli masyarakat. Zakat diagihkan kepada golongan asnaf membantu memenuhi keperluan asas mereka, seterusnya meningkatkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan di pasaran. Situasi ini secara tidak langsung merangsang pertumbuhan perniagaan dan kestabilan ekonomi negara.

Selain itu, institusi zakat di Malaysia turut berperanan aktif memperkasa usahawan Muslim melalui bantuan modal, latihan keusahawanan, bimbingan profesional dan sokongan pemasaran. Ini membuktikan zakat bukan sekadar bantuan bersifat kebajikan, tetapi pelaburan sosial strategik untuk melahirkan usahawan dan peniaga berdaya saing serta berdikari.

KESEKUTUPAN

Pelaksanaan zakat juga memberi kesan positif terhadap akhlak dan moral peniaga Muslim. Kesedaran sebahagian harta adalah hak golongan lain menanamkan nilai amanah, empati dan tanggungjawab sosial. Nilai ini mendorong usahawan berniaga secara jujur, beretika dan berintegriti, seterusnya meningkatkan produktiviti serta keberkatan keuntungan.

Zakat turut memainkan peranan penting mengurangkan jurang kemiskinan dan ketidaksamaan ekonomi, sekali gus mewujudkan persekitaran perniagaan lebih stabil, adil dan harmoni.

Islam menggalakkan umatnya berlumba-lumba melakukan kebajikan, termasuk menunaikan zakat dan sedekah. Allah SWT berfirman

bermaksud: "Maka bertumba-lumba-lah kamu dalam melakukan kebaikan". (Surah al-Baqarah, ayat 148).

Ayat ini mengajar kita semua kejayaan sebenar bukan diukur semata-mata melalui keuntungan kewangan, tetapi melalui sejauh mana harta dimanfaatkan untuk kebaikan masyarakat. Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Sebaik-baik manusia ialah yang paling bermanfaat kepada manusia lain". (HR Tabarani).

Dalam dunia perniagaan moden penuh persaingan, zakat menjadi perbezaan antara kejayaan material dan kejayaan diberkati. Secara keseluruhan, zakat perniagaan memelihara, peranan amat besar memperkukuh ekonomi Muslim di Malaysia. Ia bukan sahaja membantu golongan memerlukan, tetapi menyumbang kepada pembangunan usahawan, kestabilan pasaran dan keharmonian sosial.

Oleh itu, sempena menutup tirai 2025, usahawan dan peniaga Muslim diseru menilai semula kewajipan zakat perniagaan, menyegerakan pembayaran zakat sebelum berakhirnya haul, dan menjadikan zakat sebagai agenda tahunan terancang dan berdisiplin.

Firman Allah SWT bermaksud: "Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai zakat, supaya dengannya engkau membersihkan dan menyucikan mereka". (Surah al-Taubah, ayat 103). Moga setiap ringgit dizakatkan menjadi saksi ketaatan kepada Allah SWT, pefanangkin keberkatan rezeki, serta bekalan amal berpanjangan menuju akhirat.

“

Pelaksanaan zakat juga memberi kesan positif terhadap akhlak dan moral peniaga Muslim. Kesedaran sebahagian harta adalah hak golongan lain menanamkan nilai amanah, empati dan tanggungjawab sosial. Nilai ini mendorong usahawan berniaga secara jujur, beretika dan berintegriti, seterusnya meningkatkan produktiviti serta keberkatan keuntungan”

